



MTIB

LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA

MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD

(Kementerian Perusahaan Perladangan & Komoditi)

Level 13-17, Menara PGRM, No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras

P.O. Box 10887, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 03-9282 2235 (12 LINES) Fax: 03-9286 1553 / 9285 1477

E-mail: info@mtib.gov.my H/page: www.mtib.gov.my



MS ISO 9001:2000 REG NO. AR 3307

(9)dIm LPKM 7/01/21/3 Jld. 14

30 Jun 2010

Semua Pengeksport Karas / Agarwood,
Semua Penanam Karas / Depu

Tuan/Puan

**AKTA 686 – PERDAGANGAN ANTARABANGSA SPESIES TERANCAM
2008: PELAKSANAAN DAN KEPERLUAN PENDAFTARAN**

Adalah dimaklumkan suatu dokumen Undang-undang Malaysia dengan nama AKTA 686: AKTA PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI SPESIES TERANCAM 2008 telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia dan telah diwartakan pada 14 Februari 2008. Peraturan bagi Pendaftaran, Fi dan Yuran serta Permit telah mula diwartakan pada 28 Disember 2009 bertujuan memaklumkan peraturan, yuran dan permit berkaitan dengan akta ini. Akta 686 ini mula dikuatkuasakan pelaksanaannya di Malaysia bermula pada 1 Julai 2010.

2. Terdapat 17 spesies tumbuhan kayu (flora) (spesies terjadual) dalam Jadual Ketiga Akta 686 yang perlu dikawal untuk perdagangan antarabangsa dan diantaranya terdapat empat (4) spesies kayu Malaysia yang perlu dikawal mengikut Konvensyen CITES (Konvensyen Perdagangan Antarabangsa bagi Spesies Terancam Fauna dan Flora Liar). Spesies kayu tersebut ialah:-

- i) *Aquilaria spp.* (Agarwood/Gaharu/Karas)
- ii) *Gonystylus spp.* (Ramin)
- iii) *Gyrinops spp.*
- iv) *Podocarpus neriifolius* (Podo)

3. MTIB bersama dengan Jabatan Hutan Sarawak telah dilantik oleh Pihak Berkuasa Sainifik Malaysia (Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar) sebagai Pihak Berkuasa Pengurusan CITES. Kawasan tadbiran MTIB adalah meliputi Semenanjung dan Sabah manakala Jabatan Perhutanan Sarawak bagi negeri Sarawak.

4. Seksyen 16, Akta 686 menyatakan mereka yang ingin mengeksport atau mengimport mana-mana spesies terjadual perlu memohon suatu permit dengan pihak Berkuasa Pengurusan CITES. Mereka yang ingin mengeksport semula

mana-mana spesies terjadual perlu memohon suatu perakuan dengan Pihak Berkuasa Pengurusan CITES. Mereka yang menghasilkan tumbuhan melalui pembiakan secara buatan perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Pengurusan CITES.

5. Definisi “**dibiakkan secara buatan**” ialah tumbuhan yang tumbuh dibawah keadaan terkawal daripada biji benih, keratan, bahagian, tisu, tisu kalus atau tisu lain, spora atau propagul lain yang sama ada telah dikecualikan atau telah dihasilkan daripada stok induk yang ditanam.

6. Seksyen 18, Akta 686 menyatakan mana-mana orang atau syarikat yang didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Pengurusan untuk menghasilkan tumbuhan atau haiwan dibiakkan secara buatan daripada mana-mana spesies terjadual hendaklah menyimpan dan menyenggarakan rekod mengenai stok dan transaksi.

7. Selaras dengan keperluan Peraturan Pendaftaran, Fi / Yuran dan Permit yang akan berkuatkuasa bermula 1 Julai 2010, MTIB selaku Pihak Berkuasa Pengurusan perlu mendaftarkan mereka yang terlibat dalam pembiakan secara buatan khususnya pihak penanam Karas/Gaharu (termasuk yang mengusahakan tapak semaian dan yang membuat awetan, rawatan dan penghasilan genetik bagi tisu, spora dan propagul yang berkaitan) sebagai “**PENANAM**”. Selepas ini mereka yang terlibat ini dikenali sebagai penanam.

8. Semua pengusaha Karas/Gaharu yang menjalankan aktiviti penanaman di atas tanah sendiri, tanah sewa/pajak, tanah Kerajaan dan kawasan hutan simpan wajib berdaftar dengan MTIB. Peraturan ini turut meliputi pengusaha-pengusaha spesies terjadual yang mengusahakan tapak semaian (nursery).

9. Bagi tujuan pendaftaran sebagai penanam spesies terjadual, pemohon boleh menggunakan **Borang E**. **Borang E** boleh diperolehi di semua pejabat wilayah dan negeri dan ibu pejabat MTIB di Semenanjung dan Sabah mulai 1 Julai 2010. Maklumat mengenai sumber asal benih, anak benih, anak pokok dan spesies terjadual yang dibiakkan secara buatan perlu dinyatakan dalam **Borang E**.

10. Bagi tujuan memperbaharui pendaftaran (setelah berdaftar dengan MTIB sebagai penanam karas/gaharu), pemohon perlu mengisi **Borang F**. Borang ini juga terdapat di semua pejabat wilayah/negeri MTIB bermula 1 Julai 2010.

11. Akta 686 melalui Peraturan Pendaftaran Fi/Yuran dan Permit telah menetapkan jumlah fi/yuran bagi berdaftar dengan MTIB sebagai penanam dengan kadar RM200.00. Bagi pembaharuan pendaftaran yuran tahunan sebagai penanam fi/yuran yang dikenakan ialah RM100.00.

12. Bagi mereka yang memohon satu dokumen Permit Eksport CITES, Permit Import CITES dan Sijil Eksport Semula CITES, peraturan Pendaftaran Fi / Yuran dan Pemit telah meletakkan fi/bayaran sebanyak RM50.00 bagi setiap dokumen.

13. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah menghubungi pegawai-pegawai MTIB di Unit Pendaftaran MTIB atau merujuk kepada maklumat di laman web MTIB.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



DR. JALALUDDIN HARUN
Ketua Pengarah MTIB

s.k.

1. **(u.p.: Pn Zurinah Binti Pawanteh)**

SUB Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
Aras 12, Blok 4G3, Precint 4
62574 PUTRAJAYA

No. Faks : 03-8888 4504

2. **(u.p. : En. Mohamad Sanuri Shahid)**

SUB Bahagian Kemajuan Industri Kayu-kayan, Tembakau dan Kenaf
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
No. 15, Aras 6-13
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 PUTRAJAYA

No. Faks : 03-8880 3366

3. **(u.p. : En. Khairul Azreem Mamat)**

Penasihat Undang-undang
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
No. 15, Aras 6-13
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 PUTRAJAYA

No. Faks : 03-8880 3497

4. Ketua Pengarah
Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS)
Jalan Sultan Salahuddin
50660 Kuala Lumpur **No. Faks : 03—2692 5657**
5. Ketua Pengarah
Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)
Jalan Kepong
52109 Selangor **No. Faks : 03-6280 4624**
6. The Timber Exporters' Association of Malaysia (TEAM)
19C, Tingkat 19 Menara PGRM
No. 8 Jalan Pudu Ulu
56100 Cheras, Kuala Lumpur
7. Malaysian Furniture Industry Council (MFIC)
19A, Tingkat 19 Menara PGRM
No. 8 Jalan Pudu Ulu
56100 Cheras, Kuala Lumpur
8. Malaysian Wood Moulding & Joinery Council (MWMJC)
19E, Tingkat 19 Menara PGRM
No. 8 Jalan Pudu Ulu
56100 Cheras, Kuala Lumpur
9. Persatuan Perindustrian Kayu Malaysia (MWIA)
19B, Tingkat 19 Menara PGRM
No. 8 Jalan Pudu Ulu
56100 Cheras, Kuala Lumpur
10. Persatuan Pengusaha-pengusaha Kayu-Kayan dan Perabot Malaysia
(PEKA)
Galeri Wariseni
Lot 231, Bukit Nanas, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur **No. Faks : 03-2070 5297**